

**Kaitan Zakat dan Penggubalan Wang Haram:
Analisis Laporan Bank Dunia,
dan Financial Action Task Force (FATF)**

Dr Hakimah Yaacob*

Qaisar Ali*

Deena Najiha binti Khairatul Akmar*

Abstrak: Zakat merupakan kewajipan setiap Muslim sebagaimana yang dinyatakan di dalam al-Quran dan Hadith Nabi SAW. Zakat adalah bertujuan untuk menyucikan dan menyuburkan harta. Walaubaimanapun, akhir ini menyaksikan pelbagai penyalahafsiran dan penyalahgunaan terhadap maksud suci kutipan zakat. Salah satu daripadanya adalah penggubahan wang haram (*money laundering*) dan penyalahgunaan wang zakat sebagaimana laporan dari IMF, Bank Dunia serta FATF. Tujuan kertas kerja ini adalah untuk menganalisa laporan kestabilan kewangan terhadap kedudukan zakat yang dikatakan berkait dengan penggubahan wang haram. Kegagalan untuk melaksanakan urus tadbir yang betul akan mengakibatkan ketidak patuhan negara pelapor. Berdasarkan kepada kajian literatur dari Bank Dunia, kertas kajian ini menerangkan dan membincangkan masalah yang bakal mendatang, disalah tafsir dan memudharatkan sesebuah negara Islam yang menjadikan zakat sebagai salah satu sumber pembangunan ummah. Hasil kajian mendapati laporan kestabilan

* Penolong Kanan Profesor, Fakulti Ekonomi dan Kewangan Islam (FEKIm), Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), Negara Brunei Darussalam. Emel: hakimah.yaacob@unissa.edu.bn

* Calon PhD, Fakulti Ekonomi dan Kewangan Islam, UNISSA, Negara Brunei Darussalam.

* FATF Observer.

kewangan lebih cenderung untuk mengaitkan zakat dengan penggubalan wang haram. Fokus harus diberikan kepada membetulkan salah faham badan antarabangsa dalam pengurusan wang zakat yang lebih telus dan urus tadbir yang cekap.

Kata Kunci: Zakat, Penggubalan wang haram, Pembiayaan keganasan, Laporan Bank Dunia, Financial Action Task Force (FATF)

Kajian literatur

Banyak sudah kajian zakat yang telah dilakukan. Namun tiada sebarang kajian yang dijalankan bagi menolak penulisan yang mengatakan bahawa duit zakat adalah digunakan untuk penggubahan wang haram atau penajaan pegganas. Kebanyakan hasil literatur mendapati penulisan dari kertas kerja Bank Dunia serta buku-buku yang berkaitan dengan penggubahan wang haram menjadi rujukan utama bagi tajuk ini. Pada tahun 2016, Tabung Kewangan Antarabangsa (*International Monetary Fund*) telah mengeluarkan kertas kerja yang bertajuk “*Islamic Finance and Anti-Money Laundering and Combating the Financing of Terrorism*” (AML/CFT) disediakan oleh Nadim Kyriakos-Saad, Manuel Vasquez, Chady El Khoury dan Arz El Murr. Kertas kerja ini diedarkan kepada awam pada Februari 2016 dengan kod WP/16/42 oleh Ross Leckow. Di akhir kertas kerja ini, sistem kewangan Islam telah mengutip wang zakat dan *sadaqa* yang banyak bagi pihak pelanggan dan menyalurkan wang tersebut kepada badan-badan kebajikan. Ketiadaan sistem pengurusan risiko yang baik akan mengakibatkan pendedahan kepada penggubahan wang haram. Laporan kertas kerja ini juga mencadangkan bahawa produk *musharakah* dan *mudharabah* yang berasaskan untung rugi juga adalah satu produk yang boleh

terdedah kepada penggubahan wang haram. Di mana seorang rakan kongsi akan kompromis dalam setiap transaksi yang melibatkan wang haram demi menjaga hubungan perniagaan sebagai rakan kongsi. Produk-produk seperti *tawarruq* dan penubuhan *Special Purpose Vehicle* (SPV) juga dikritik sebagai salah satu helah untuk mendapatkan tunai secara cepat dan aset yang sama digunakan berulang kali.

Buku yang bertajuk *Money Laundering: A Guide for Criminal Investigators*, Third Edition, by John Madinger, CRC Press Book, telah mengaitkan pemberian zakat serta sistem *hawala* dengan kegiatan pembiayaan pengganas. Buku bertajuk *Suppressing Terrorist Financing and Money Laundering* by Jae-myong Koh Springer Science & Business Media, Jul 25, 2006 juga mengaitkan zakat sebagai salah satu cara pembiayaan keganasan. Buku karangan Jimmy Gurulé Edward yang bertajuk *Unfunding Terror: The Legal Response to the Financing of Global Terrorism*, by Elgar Publishing, Jan 1, 2010 juga membicarakan perkara yang sama. Hasil dari kajian literatur mendapati laporan surat khabar dari Indonesia dan Afrika mengaitkan zakat dengan penggubalan wang haram.¹ Boleh dikatakan tiada kertas kerja yang berkaitan dengan zakat dan urus tadbir yang komprehensif untuk dirujuk oleh pentadbir yang berkaitan dengan penggubalan wang haram. Ini diakui sendiri dalam

¹ Rujuk kepada www.shariahfinancewatch.org/blog/.../reverse-money-laundering-with-zakat-in-africa.., www.pressreader.com/indonesia/the-jakarta-post/20100907/281646776461566, www.shariahfinancewatch.org/.../why-do-islamic-charities-send-zakat-to-terrorists-bec. Dipetik pada 24 Julai 2017.

laporan kertas kerja Bank Dunia pada tahun 2016.¹ Atas kesedaran bahawa wujudnya keperluan penyelidikan berkenaan menolak dakwaan bahawa wang zakat digunakan untuk penggubalan wang haram, kajian ini cuba mengupas secara terperinci hasil laporan dan salah tanggapan. Ini amat penting kerana salah faham dunia mengenai wang zakat adalah sesuatu yang memberi imej yang kurang baik kepada institusi pengurusan wang zakat. Kertas ini juga mencadangkan garis panduan mitigasi bagi menangani dan menolak dakwaan negatif terhadap pengurusan wang zakat.

Pengenalan

Zakat merupakan salah satu rukun Islam kelima yang mempunyai kedudukan sangat penting dalam Islam kerana ia seringkali disebut di dalam Al-Quran secara bergandingan dengan kewajipan sembahyang. Malahan kepentingan ini tergambar melalui tindakan Khalifah Abu Bakar al-Siddiq (RA) dalam memerangi golongan yang mengingkari kewajipan menunaikan zakat selepas kewafatan Rasulullah SAW. Kewajipan mengeluarkan zakat sama ada zakat harta, zakat perniagaan, pertanian dan lain-lain secara umum diketahui oleh umat Islam. Namun kesamaran bermula apabila kita berdepan dengan golongan yang agak kurang faham tujuan dan maksud sebenar diperwajibkan. Jadi antara kesamarannya adalah boleh dirujuk kepada laporan-laporan penggubalan wang haram yang mengatakan bahawa wang zakat digunakan sebagai penggubalan wang haram dan pembiayaan penganas.

¹ Islamic Finance and Anti-Money Laundering and Combating the Financing of Terrorism (AML/CFT) Prepared by Nadim Kyriakos-Saad, Manuel Vasquez, Chady El Khoury, Arz El Murr Authorized for distribution by Ross Leckow
February 2016, p 8.

Menurut FATF, penggubahan wang haram adalah melibatkan pemprosesan wang hasil dari kegiatan jenayah bagi mengaburi sumber asal wang tersebut. Penjualan bahan api atau senjata secara haram, penyeludupan, jenayah terancang, termasuk pengedaran dadah, pelacuran, penipuan perdagangan, rasuah serta skim penipuan internet mampu menghasilkan keuntungan lumayan. Hasil daripada kegiatan ini akan dicuci bagi memastikan ianya tidak dapat dikesan oleh pihak berkuasa.¹ The United Nations Office on Drugs and Crime (UNODC) telah melaporkan bahawa pada 2009, sebanyak 3.6% of global GDP, with 2.7% (or USD 1.6 trillion) wang telah digubah secara haram. IMF melaporkan bahawa pada 1998 sahaja, mencakupi 2-5% daripada keseluruhan GDP dunia. Ini membawa kepada nilai sebanyak USD 590 Billion dan USD 1.5 trillion².

Madinger mendefinisikan penggubahan wang haram sebagai ‘penggunaan wang yang terhasil daripada aktiviti yang bertentangan dengan undang-undang dan menyembunyikan identiti individu pemunya duit’; penyembunyian sumber kewangan dan menukarnya kepada aset yang menghasilkan sumber yang sah.’³ Menurut Odeh, penggubahan wang haram adalah process integrasi duit hasil dari jenayah kepada sumber kewangan komersial yang sah dengan menutup asal

¹ <http://www.fatf-gafi.org/faq/moneylaundering/#d.en.11223>
Dipetik pada 10 Julai 2017.

² <http://www.fatf-gafi.org/faq/moneylaundering/#d.en.11223>
Dipetik pada 10 Julai 2017.

³ FATF ‘High Risk and Non-Cooperative Jurisdictions - June 2012’ Available at <http://www.fatf-gafi.org/topics/high-riskandnon-cooperativejurisdictions/> accessed 12 July 2012. 42 John Madinger, Money Laundering: Guide for Criminal Investigators (Third Edition CRC Press 2012) 543

usul punca wang tersebut. Ia adalah proses yang menjadikan sumber tidak sah kepada sumber yang sah.¹ Shelley meletakkan penggubahan wang haram sebagai isu utama di dalam mempromosikan serta pewarisan aset atau harta kepada aktiviti jenayah terkawal seperti jenayah keganasan.² Tujuan utama penggubahan wang haram adalah menyembunyikan hasil dari kegiatan jenayah, mengganggu penguatkuasaan undang-undang, menjadikan hasil dari kegiatan jenayah nampak seperti sah dengan melaburkan wang tersebut ke dalam aktiviti atau perniagaan yang sah.³ Kegagalan mengawal kegiatan ini membolehkan penjenayah menggunakan sistem yang sama bagi melakukan jenayah secara berulang.

Mengenaliti Badan Pengawasan Penggubahan Wang Haram Dunia

Secara ringkasnya, badan pengawasan pengubahan wang haram boleh dibahagikan kepada tiga (3). Salah satu darinya adalah FATF. FATF telah ditubuhkan pada tahun 1989 dengan persetujuan negara-negara G7. Satu jawatankuasa ditubuhkan bagi menangani jenayah penggubahan wang haram dikalangan sistem perbankan. Pada tahun 1990, sebanyak empat puluh (40) prinsip atau polisi telah digariskan oleh FATF. Pada Oktober 2001, tambahan

¹ Ismail Odeh, *Anti-Money Laundering and Combating Terrorism Financing for Financial Institutions*, (Dorrance Publishing Ltd 2010) 144

² Loise Shelley 'Contemporary Russian Organised Crime: Embedded in Russian Society' in Cyrille Fijnaut, Letizia Paoli (ed) *Organised Crime in Europe: Concepts, Patterns and Control* (Polices in the European Union and Beyond) (Springer Press 2004) p57345

³ House of Lords European Union Committee 19th Report of Session 2008-2009 *Money Laundering and the Financing of Terrorism* Volume 1 p. 7

sebanyak sembilan (9) prinsipal atau Rekomendasi terhadap prinsipal yang sedia ada menjadikan 49 prinsipals semuanya bagi menangani pembiayaan keganasan. Selain dari FATF, Bank of International Settlement (BIS) dengan mengeluarkan 30 Prinsipal Teras di dalam operasi perbankan yang salah satu prinsipalnya harus meletakkan sistem yang memberi maklumat penggubalan wang haram. Bank Dunia juga mengawalselia pergerakan penggubalan wang haram menerusi Financial Stability Assessment Programme (FSEP) yang mengeluarkan laporan mengenai negara-negara yang terlibat dalam penggubahan wang haram.¹ Selain dari badan pengawasan dunia, penggubahan

¹ Laporan-Laporan Negara boleh dilihat di laman web Bank Dunia seperti Malaysia: Financial Sector Assessment Program Banking System Spillovers-Technical Note, April 17, 2014, Malaysia: Financial Sector Assessment Program Monetary Liquidity Frameworks-Technical Note, April 15, 2014, Malaysia: Financial Sector Assessment Program Stress Testing the Malaysian and Labuan IBFC Banking Sectors-Technical Note, April 15, 2014, Malaysia: Financial Sector Assessment Program Financial Sector Performance, Vulnerabilities and Derivatives-Technical Note, April 15, 2014, Malaysia: Financial Sector Assessment Program Housing Market-Technical Note, April 15, 2014, Malaysia: Publication of Financial Sector Assessment Program Documentation—Detailed Assessment of Basel Core Principles for Effective Banking Supervision, March 8, 2013, Malaysia: Publication of Financial Sector Assessment Program Documentation—Detailed Assessment of Observance of Insurance Core Principles, March 8, 2013, Malaysia: Publication of Financial Sector Assessment Program Documentation—Detailed Assessment of Observance of the CPSS-IOSCO Principles for Financial Market Infrastructures, March 8, 2013, Malaysia: Publication of Financial Sector Assessment Program Documentation—Detailed Assessment of Implementation of IOSCO Objectives and Principles of Securities Regulation, March 8, 2013, Malaysia: Publication of Financial Sector Assessment Program Documentation—Detailed Assessment of Observance of Core Principles for Effective Deposit Insurance Systems,

wang haram juga dikawal oleh sistem yang digunakan dalam sistem perbankan contohnya Office of Foreign Assets Control (OFAC)¹ dan polisi *Know Your Customer* (KYC).

Hubungan FATF, Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) dan Bank Dunia

Ramai yang mungkin bertanya tentang bagaimanakah wang zakat mampu dikaitkan dengan pengawalan dari ketiga-tiga badan dunia di atas. Hubungan ini tercipta semenjak perjanjian Brettonwood pada tahun 1946 yang telah melahirkan Tabung Kewangan Dunia (IMF) dan Bank Dunia. Di atas dasar sentralisasi. Sebuah pertubuhan yang dinamakan Bank of International Settlement (BIS) ditubuhkan bagi mewujudkan standardisasi di dalam amalan perbankan. Hasilnya, tiga puluh prinsipal Perbankan telah dikeluarkan bagi digunapakai dalam sistem perbankan. Laporan kepatuhan Prinsipal Perbankan (Banking Core Principles) ini akan dibuat setiap tahun oleh negara anggota termasuklah kepatuhan kepada penggubahan wang haram. Setiap perubahan atau *Directif* yang baru akan dihantar bagi menentukan kepatuhan adalah terjamin. Hubungan ini dikenali sebagai hubungan tiga (3) lapisan yang mana setiap aturan, *standards* akan diadaptasi oleh bank pusat bagi didisseminasi ke institusi perbankan

March 8, 2013, Malaysia: Financial Sector Stability Assessment, February 28, 2013

¹ The Office of Foreign Assets Control (OFAC) di bawah US Department of the Treasury mengenalpasti dan menguatkuasa sekatan dan perdagangan berdasarkan kepada Dasar Luar Negara US dan keselamatan sosial terhadap negara luar yang dikenalpasti sebagai penganas, pengedaran dadah antarabangsa dan sebarang aktiviti yang melibatkan persenjataan dan ancaman pelbagai terhadap keselamatan sosial, polisi antarabangsa atau ekonomi US.

tempatan. Sebagaimana yang dijelaskan oleh Yaacob¹ (2008), lapisan ini terbentuk dengan aturan dan amalan antarabangsa disalurkan kepada Bank Pusat atau Bank negara bagi setiap negara.² Salah satu fungsi Bank Pusat adalah untuk menyalurkan amalan antarabangsa ini kepada institusi tempatan bagi diadaptasi dan mencipta standards antarabangsa terpakai kepada institusi tempatan.

Umum mengetahui bahawa pembiayaan keganasan bermula selepas serangan 11 September 2001. Sebelum terjadinya serangan 11 September 2001, '*financing terrorisme*' atau pembiayaan keganasan adalah tidak menjadi satu ancaman bagi Amerika.³ Namun, akibat dari kejadian tersebut, maka Presiden Amerika Syarikat pada ketika itu telah mengeluarkan '*Executive Order 13224*⁴' pada 23 September 2001.⁵ Susur galur kepada serangan 11

¹ Yaacob (2018), *The World Banking System*, KPIJ Publication, Johor, Malaysia, p25.

² Kecuali Bank Pusat Iraq dan Korea Utara.

³ J Santolli, *The Terrorist Finance Tracking Program: illuminating the shortcomings of the European Union's antiquated data privacy directive*, 2008, *George Washington Law Review*, 40, 553-582 at 555.

⁴ Executive Order 13,224 of September 23 2001, *Blocking Property and Prohibiting Transactions with Persons Who Commit, Threaten To Commit, or Support Terrorism*. Available at: <http://www.fas.org/irp/offdocs/eo/eo-13224.htm>.


Lihat B Zagaris '*The merging of the anti-money laundering and counter-terrorism financial enforcement regimes after September 11, 2001*' (2004) 22 *Berkley J.Int'l L.* 123

⁵ Perintah Eksekutif pada ketika ini disokong oleh beberapa undang-undang sedia ada seperti International Emergency Economic Powers Act (50 U.S.C. 1701 et seq.)(IEEPA), the National Emergencies Act (50 U.S.C. 1601 et seq.), seksyen 5 of the United Nations Participation Act of 1945, (22 U.S.C. 287c) (UNPA), and seksyen 301 of title 3, United States Code, serta United Nations Security Council Resolution

September amat penting kerana ianya adalah titik tolak kepada pandangan negatif terhadap pertubuhan Islam dan ini termasuklah sistem perbankan dan kewangan Islam.

Sumber penggubalan wang haram menurut laporan Bank Dunia

Di dalam kertas kerja Laporan badan dunia ini, kita dapati bahawa sumber yang dikaitkan duit zakat dengan penggubalan wang haram itu datang dari dua (2) sumber, iaitu dari produk perbankan Islam dan badan-badan kebajikan atau *Non Profit Organisation* seperti Majlis Ugama Islam, Pusat Pungutan Wang Zakat dan sebagainya. Secara ringkas, sumber wang haram dijelaskan dibawah diagram 1;



*Diagram 1: Sumber Penggubalan
Wang Haram yang dikatakan di dalam Laporan Bank Dunia
dan FATF.*

(UNSCR) 1214 of December 8, 1998, UNSCR 1267 of October 15, 1999, UNSCR 1333 of December 19, 2000, United Nation Security Council Resolution (UNSCR) 1363 of July 30, 2001, establishing a mechanism to monitor the implementation of UNSCR 1333

Melihat kepada Diagram 1 di atas, punca wang zakat dalam sistem kewangan Islam dapat dikategorikan kepada dua (2). Produk-produk perbankan Islam dikatakan mampu untuk menggubal wang haram. Dikatakan tiada typologi tertentu dalam mengaitkan perbankan Islam kepada penggubalan wang haram. Namun, produk-produk seperti *mudharabah*, *musharakah* serta yang bersifat ekuiti ini lebih cenderung menghasilkan operasi penggubalan wang haram.¹ Hubungan berasaskan ekuiti di antara bank dan pelanggan dikatakan tiada transperansi atau *full disclosure* dalam risiko penggubalan wang haram. Konsep *partnership* atau rakan kansi ini mungkin mengganggu hubungan di antara bank dan pelanggan. Bank dikatakan akan kompromis dan menyembunyikan fakta material yang terkait dengan wang haram yang dilakukan oleh rakan kongsinnya demi menjaga hubungan kontrak tadi. Hasilnya, laporan dan tindakan terhadap aktiviti penggubalan wang haram akan dikompromis. Dikatakan lagi, bahawa kontrak *mudharabah* yang melibatkan *rabbu mal* sebagai penggubal wang haram (*money launderer*) akan melabur ke dalam bank sebagai *Mudharib* (pengurus dana), maka hubungan ini akan menghasilkan satu hubungan yang akhirnya kompromis kepada kurangnya transperansi kerana wujudnya kepentingan peribadi.

Struktur konsep produk yang kompleks seperti *tawarruq* atau komoditi *murabahah* juga dikatakan mempunyai risiko pendedahan kepada penggubalan wang haram. Komoditi yang digunakan dalam produk ini digunakan sebagai tulang

¹ Rujuk Islamic Finance and Anti-Money Laundering and Combating the Financing of Terrorism (AML/CFT) Prepared by Nadim Kyriakos-Saad, Manuel Vasquez, Chady El Khoury, Arz El Murr Authorized for distribution by Ross Leckow February 2016, p 9.

belakang atau *back up* dalam transaksi yang melibatkan jutaan dolar yang berakhir dengan penerimaan ‘tunai’. Ini adalah cara terpendam untuk memperoleh tunai dan ini adalah salah satu dari menyalurkan wang dari hasil yang haram. kewujudan Special Purpose Vehicle (SPV) juga dikatakan mampu untuk dijadikan alat pengubahan wang haram.

Produk *hawala* juga dikatakan satu alat pemindahan wang tanpa ada pemindahan wang secara fizikal.¹

Di dalam kajian FATF, sebanyak 18 negara dari 33 negara menganggap *hawala* sebagai tidak sah. 15 negara lagi menganggap ianya sah sekiranya didaftarkan dan dilesenkan. Jadual 1 dibawah adalah kajian yang dilakukan oleh FATF dalam melihat kesahihan *hiwalah*.²

Countries	Legal	Illegal	Total
Developed countries	18	15	33
Developing countries	12	4	16

Table 2: FATF Project Questionnaire.

Sumber www.fatf.com

Selain dari produk perbankan, sumber yang dikatakan mampu membawa kepada penggubalan wang haram adalah pengurusan wang zakat dan *sadaqa* yang banyak yang

¹ FATF Repoort, The Role of hawala, Oktober 2013, dokumen boleh dirujuk di laman web:

<http://www.fatf-gafi.org/media/fatf/documents/reports/Role-of-hawala-and-similar-in-ml-tf.pdf>

² Untuk report yang penuh sila rujuk:

<http://www.fatf-gafi.org/media/fatf/documents/reports/Role-of-hawala-and-similar-in-ml-tf.pdf>

diterima dari pelanggan dan diurus serta dibahagikan oleh institusi perbankan. Institusi kewangan mempunyai bidang kuasa dan budi bicara untuk mengagihkan hasil wang zakat serta *sadaqa* yang didapati kepada sesiapa yang dikehendaki termasuk badan-badan kebajikan atau organisasi iaitu organisasi tanpa keuntungan (NPO). Keadaan ini membuka risiko pendedahan yang tinggi terutama operasi, kepatuhan (*compliance*) dan sebagainya.

Keadaan salah faham juga berlaku kepada negara-negara yang ingin menubuhkan perbankan Islam. Contohnya Reserve Bank Malawi tidak mahu menubuhkan bank Islam di Malawi kerana dikaitkan dengan penggubahan wang haram¹.

Repot dalam '*Risk of Terrorist Abuse in Non Profit Organisations*',² pada 2014, menunjukkan bahawa kebanyakan pertubuhan yang bukan berasaskan keuntungan seperti badan kebajikan, zakat dan sebagainya adalah digunakan bagi tujuan pembiayaan keganasan. Memandangkan pusat pungutan zakat adalah entiti tanpa keuntungan, maka ia juga termasuk dalam NPO.

Pada tahun 2013, FATF mengeluarkan laporan mengatakan bahawa zakat di Malaysia harus diselarikan oleh semua negeri di Malaysia. Memandangkan bidang kuasa kutipan zakat adalah berada di bawah negeri-negeri, maka kesukaran

¹ Maulana Leman, "(RBM) Refuses to Approve Islamic Banking" *Radio Islam Malawi* April 18, 2011, "Malawi rejects Islamic 'Sharia' banking" *Nyasa Times* April 15, 2011

²http://amlcft.bnm.gov.my/publication/M4_FATF-Risk%20of%20terrorist%20abuse%20in%20non-profit%20organisations.pdf

untuk fokus adalah satu kritikan dalam laporan. Agihan juga tidak dilakukan secara telus. Kawalan terhadap kutipan dana untuk kebajikan adalah direkomen oleh FATF demi mengawal aliran kewangan.

Pemerhatian

Laporan yang ditulis agak menampakkan kurangnya pendedahan kepada dua konsep; iaitu konsep produk perbankan serta konsep zakat itu sendiri.

Wang zakat bukan hanya datang dari produk perbankan, malah ianya dikawal oleh Majlis Ugama Islam atau Pusat Pungutan Zakat.

Produk perbankan yang berasaskan ekuiti adalah produk bagi berkongsi untung rugi dalam sesebuah transaksi yang dipersetujui. Semua kriteria kredit atau *credit worthiness* seseorang pelanggan akan diambil kira sebelum melakukan sebarang transaksi. Tuntutan ini sama dengan apa yang berlaku di bank konvensional. *Full disclosure* atau transparansi dibuat dengan jelas sebagaimana bank konvensional. Jadi agak mustahil bagi Bank Islam bersekongkol bagi melaksanakan transaksi dengan pelanggan. Produk ekuiti berasaskan rakan kongsi adalah melibatkan untung rugi. Sebagai *Mudharib* bagi sesuatu portfolio, *due diligence* adalah dikawal oleh Bank Negara sesebuah negara. Jika sebarang transaksi ada keraguan, maka ia akan melibatkan prosedur yang sangat ketat. Sehingga kini, hampir seluruh negara dikawalselia oleh Bank Negara bagi memantau sebarang kegiatan wang haram. Tambahan pula, setiap Bank Negara mempunyai kuasa dalam enam sektor utama iaitu perbankan, takaful,

pasaran modal, pengaliran wang tunai elektronik dan aktiviti kasino.¹

Institusi kewangan Islam pada masa ini tertakluk kepada laporan kepatuhan seperti FATCA², OFAC dan aktiviti penggubahan wang haram. Pada waktu ini, maklumat kutipan wang zakat oleh Majlis Agama Islam masih belum diletakkan dibawah pemerhatian Panduan tertentu. Jadi, sekiranya sistem urus tadbir zakat lemah, kurang transperansi, tiada makluman penuh atau *full disclosure*, institusi zakat mungkin akan dilihat sebagai ancaman kepada penggubahan wang haram yang membiayai pengganas. Ini terjadi seperti di dalam kes Holy Land Foundation yang ditubuhkan di Texas, California, Gaza.³ Dana yang dikutip dikatakan menaja kegiatan Hamas.

Cadangan mitigasi bagi mengelak ketidakpatuhan

Laporan kestabilan kewangan akan dibuat secara tahunan. Sesebuah negara akan dinilai kepatuhan atau '*compliance*' berdasarkan laporan-laporan dari ketiga-tiga badan dunia yang mengawal pencegahan wang haram. Berikut adalah cadangan-cadangan mitigasi bagi mengelak masalah dimasa hadapan untuk tidak mengaitkan wang zakat dengan penggubahan wang haram;

- i. Sistem pengurusan wang zakat yang telus dan cekap perlu bagi menolak dakwaan yang

¹ Lihat sebagai contoh enam Garis Panduan Penggubalan Wang Haram di dalam pelbagai sektor oleh Bank Negara Malaysia.

² Foreign and Complanec Tax Act FATCA dan Office of Foreigh Asset Control OFAC.

³ Money Laundering: A Guide for Criminal Investigators, Third Edition, John Madinger.

- membabitkan penggubahan wang haram dengan zakat. Ini kerana laporan serta kertas kerja Bank Dunia lebih menekankan kepada ketelusan dalam pengagihan wang zakat dalam memastikan ianya disalurkan kepada tujuan yang betul.
- ii. Urus tadbir yang telus dan efisien mampu menjadikan institusi zakat disalah tafsir. Perlunya ada sistem urus tadbir yang komprehensif bagi menjamin kutipan serta penyaluran wang zakat yang komprehensif.
 - iii. Perlunya kesedaran yang tinggi terhadap produk perbankan Islam bagi menolak salah faham asas. Adalah tidak munasabah bagi sesebuah bank bersekongkol dengan pelanggan sedangkan semua produk dan *credit worthiness* pelanggan diambil kira sebagaimana bank konvensional.
 - iv. Produk *tawarruq* perlu diperhalusi lagi. Dengan adanya *Bursa Suq al-Sila*, transparansi dan makluman penuh agak tidak mustahil. Fokus harus diberikan kepada aset komoditi yang didagangkan bagi mengelak transaksi yang meragukan.
 - v. Penubuhan SPV terutamanya dalam *sukuk* adalah agen kepada penerbit *sukuk* dalam penerbitan *sukuk*. SPV tidak sama sekali mengundang aktiviti meragukan kerana tujuannya amat jelas di dalam prospektus dan kertas terma.
 - vi. Perlu adanya Akta Wang Zakat bagi melaraskan sistem tadbir urus yang lebih teratur. Dengan adanya Akta zakat ini, maka wang zakat akan hanya dibayar ke Majlis Agama Islam sahaja. Sekaligus, kawalan pengaliran wang akan dapat dikawal secara teratur. Memandangkan zakat

adalah kewajipan muslim, Ia haruslah diwajibkan menerusi undang-undang.

Penutup

Melihat kepada kecenderungan laporan-laporan negara yang mengamalkan zakat terutamanya Malaysia, Indonesia dan beberapa buah negara Islam lain, dapat dikatakan bahawa risiko mengaitkan zakat dengan penggubalan wang haram memang ada. Jadi adalah wajar untuk mengamalkan urus tadbir yang baik bagi mengelak masalah di masa hadapan dalam menguruskan wang zakat. Produk perbankan juga harus diteliti aplikasi pemakaiannya bagi mengelak salah faham dan kekeliruan yang terdapat dalam masyarakat. Kertas kerja ini ditulis bagi memberi kesedaran bahawa zakat yang diwajibkan kepada orang Islam sebagai salah satu dari tuntutan Islam dilihat sebagai ancaman kepada keselamatan. Diharapkan agar dengan adanya urus tadbir yang cekap dan efisien serta telus mampu untuk menyangkal dakwaan negatif terhadap kutipan zakat sama ada sebagai sebuah produk perbankan Islam mahupun Majlis Agama Islam. Walaupun kebanyakan contoh dibawa dari Laporan negara Malaysia, kajian mendapati kes-kes juga terdapat di seluruh dunia yang perlukan perhatian wajar dari pengamal industri. Walaupun begitu, perlu ada kesedaran di kalangan pertubuhan antarabangsa supaya tidak mengaitkan penggubalan wang haram dengan zakat. Zakat adalah hukum yang diwajibkan ke atas muslimin yang datangnya dari Al-Quran. Kewajipan berzakat harus diwar-warkan bahawa ianya tidak pernah membawa atau mengajar kepada keganasan atau melakukan sesuatu keburukan. Zakat harus difahami oleh badan dunia ini sebagai suatu yang tiada kaitan langsung dengan sebarang kegiatan yang salah dari Islam. Keganasan itu sendiri adalah ditegah dalam Islam.

Rujukan

Mutual Evaluation Report 2016 country Malaysia by FATF.
2016 International Monetary Fund WP/16/42 IMF Working Paper “Islamic Finance and Anti-Money Laundering and Combating the Financing of Terrorism (AML/CFT) Prepared by Nadim Kyriakos-Saad, Manuel Vasquez, Chady El Khoury, Arz El Murr Authorized for distribution by Ross Leckow February 2016.

J Santolli, The Terrorist Finance Tracking Program: illuminating the shortcomings of the European Union’s antiquated data privacy directive, 2008, *George Washington Law Review*, 40, 553-582 at 555.

Money Laundering: A Guide for Criminal Investigators, Third Edition, By John Madinger.

Suppressing Terrorist Financing and Money Laundering By Jae-myong KohSpringer Science & Business Media, Jul 25, 2006 - [Law](#) - 243 pages.

Unfunding Terror: The Legal Response to the Financing of Global Terrorism, By Jimmy GuruléEdward Elgar Publishing, Jan 1, 2010 - [Political Science](#) - 425 pages.

FATF ‘High Risk and Non-Cooperative Jurisdictions - June 2012’ Available at<http://www.fatf-gafi.org/topics/high-riskandnon-cooperativejurisdictions/>accessed 12 July 2012.42

John Madinger, Money Laundering: Guide for Criminal Investigators (Third Edition CRCPress 2012) 543.

Ismail Odeh, Anti-Money Laundering and Combating Terrorism Financing for FinancialInstitutions, (Dorrance Publishing Ltd2010)144.

- Loise Shelley 'Contemporary Russian Organised Crime: Embedded in Russian Society' in Cyrille Fijnaut, Letizia Paoli (ed) *Organised Crime in Europe: Concepts, Patterns and Control* (Springer Press 2004) p. 573-45.
- House of Lords European Union Committee 19th Report of Session 2008-2009 *Money Laundering and the Financing of Terrorism* Volume 1 p. 7
- Islamic Finance and Anti-Money Laundering and Combating the Financing of Terrorism (AML/CFT) Prepared by Nadim Kyriakos-Saad, Manuel Vasquez, Chady El Khoury, Arz El Murr Authorized for distribution by Ross Leckow February 2016, p. 8.
- FATF Report *Financing of the Terrorist Organisation Islamic State in Iraq and the Levant (ISIL)* February 2015 at pg. 5. Available at: <http://www.fatf-gafi.org/media/fatf/documents/reports/Financingof-the-terrorist-organisation-ISIL.pdf> (accessed 31.01.17).
- N Ryder, 'The fight against illicit finance: A critical review of the Labour government's policy,' *Journal of Banking Regulation* (2011) 12, 252-275.
- N Ryder 'Financial Crime in the 21st Century-Law and Policy, (Edward Elgar, 2011) U.S. Department of Treasury Fact Sheet: *Combating the Financing of Terrorism, Disrupting Terrorism at its Core*.
- Ryder, N. (2011) *Financial Crime in the 21st Century, Law and Policy*, (Edward Elgar, 2011) 65-66.
- Nicholas Ryder, 'Islamophobia or an important weapon? An analysis of the US financial war on terrorism' [2009] 10(4) *Journal of Banking Regulation* 307-320 at 309.

Nicholas Ryder, Financial Crime in the 21st Century
(Edward Elgar 2011) 66.

Websites

www.shariahfinancewatch.org/blog/.../reverse-money-laundering-with-zakat-in-africa...,

www.pressreader.com/indonesia/the-jakarta-post/20100907/281646776461566,

www.shariahfinancewatch.org/.../why-do-islamic-charities-send-zakat-to-terrorists-bec

<http://www.fatf-gafi.org/faq/moneylaundering/#d.en.11223>

<http://www.fatf-gafi.org/media/fatf/documents/reports/Role-of-hawala-and-similar-in-ml-tf.pdf>

<http://www.fatf-gafi.org/media/fatf/documents/reports/Role-of-hawala-and-similar-in-ml-tf.pdf>